

**PEMIKIRAN MARZUKI ALI DALAM
'KHAZANAH SEGALA RIMBUN' DARI ASPEK
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU**

*THOUGHT MARZUKI ALI IN 'KHAZANAH SEGALA
RIMBUN' FROM THEORETICAL ASPECT OF
MALAY METHODOLOGY*

Noor Hazwany Haji Arifin
Noryamisma Ismail

Abstrak

Penghasilan puisi yang berunsurkan alam menggambarkan bahawa penyair begitu dekat dengan kejadian dan peristiwa yang berada di alam sekelilingnya. Antara penyair yang konsisten memasukkan unsur alam dalam proses penulisan kreatif adalah Marzuki Ali yang mengajak pembaca puisinya menghargai alam flora dan fauna. Dalam penulisannya, kemusnahan dan bencana alam yang berlaku menggambarkan bahawa manusia tidak menghargai dan menyayangi alam. Selain itu, kemusnahan alam flora dan fauna menyebabkan generasi kini tidak mengenali nama sesetengah tumbuhan dan haiwan yang hampir pupus. Oleh itu, beberapa reaksi telah diberikan mengenai pemikiran kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* yang dimenangi Marzuki Ali dalam HSKM 2010/2011. Walaupun begitu, estetika kumpulan puisi alam tersebut perlu juga dikaji untuk memperkukuhkan lagi pemikiran Marzuki Ali dalam kumpulan puisi yang ditulis beliau. Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti, dan menganalisis pemikiran dalam *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali.

Kata kunci: Pemikiran, estetika, kumpulan puisi, alam flora dan fauna.

Abstract

The production of environmentally oriented poetry reflects that the poet was close to the scene and events in the environment. Among the poets who consistently incorporate natural elements in the creative writing process is Marzuki Ali who invites readers to appreciate the natural flora and fauna. In his writings, destruction and natural disasters suggests that people do not appreciate and love nature. Moreover, destruction of flora and fauna cause the current generation to be ignorant of the name of some plants and animals that are almost extinct. Therefore, some reactions has given thought to the group poem Khazanah Segala Rimbun Marzuki Ali won in HSKM 2010/2011. Even so, the aesthetic nature of his poems should also be reviewed to strengthen the thought of Marzuki Ali in the poems he wrote. Therefore, this study will identify and analyze the thought in Khazanah Segala Rimbun by Marzuki Ali.

Keywords: *Thought, aesthetic, poetry, natural flora and fauna.*

Pengenalan

Penggunaan unsur alam amat penting dalam proses kreatif seorang penyair. Unsur alam seperti laut, gunung, langit, awan, bulan, hujan, kabus, sungai, pelbagai jenis haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya sering digunakan dalam puisi Melayu, baik puisi moden mahupun puisi tradisi.

Ternyata alam sangat penting dalam puisi dan penciptaan puisi kerana proses kreatif penyair Melayu telah berlaku melalui proses interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam. Interaksi bermaksud penyair berkomunikasi, bercakap dan bertindak balas dengan alam. Interpretasi bermakna penyair mentafsir setiap objek alam sebagai membawa makna yang lebih besar, manakala integrasi membawa maksud penyair menganggap alam adalah sama dan menyatu dengan dirinya.

Proses kreatif penyair Melayu telah membentuk ribuan metafora daripada unsur alam ini bagi membawa makna tertentu dan menyampaikan maksud puisi. Misalnya, sungai membawa pengertian perjalanan hidup manusia, gunung membawa makna hasrat atau cita-cita yang tinggi, pepohon rendang untuk membawa pengertian

perdamaian dan kasih sayang, hujan bermaksud rahmat dan kesuburan. Unsur alam yang digunakan dalam puisi adalah terlalu banyak dan pelbagai (Zurinah Hassan, 2010).

Berikutan dengan kajian yang dijalankan, pengkaji menganalisis puisi-puisi dari kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali dengan menggunakan penerapan teori Pengkaedahan Melayu. Dalam konteks ini, penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan pemikiran Marzuki Ali tentang alam dan juga agama daripada aspek Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Sorotan Kajian *Khazanah Segala Rimbun*

Keunggulan penyair bersuara lantang dari Terengganu, Marzuki Ali dalam genre puisi terpancar menerusi *Khazanah Segala Rimbun* yang menghimpunkan 168 buah sajak yang mengangkat keindahan flora dan fauna. Penerbitan kumpulan puisi hasil inisiatif bersama Penerbitan USM dan Marzuki selaku Karyawan Tamu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM) 2007 hingga 2008 itu bertujuan memberi kesedaran dan mengajak khalayak menghargai keindahan flora dan fauna.

Istimewanya, himpunan sajak dalam empat bahagian utama iaitu “Kembali Bermukim” (41 buah sajak), “Di Kaki Senja”(44 buah sajak), “Teratai Di Tasik” (40 buah sajak) dan “Nazam Tekukur” (43 buah sajak) itu berlatarbelakangkan persekitaran USM yang kaya dengan pohon, bunga, tumbuhan dan serangga unik termasuk sesetengah spesies yang tidak diketahui (*Khazanah Segala Rimbun*, 2011).

Selanjutnya, Pensyarah Kesusasteraan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM, Dr. Sakinah Abu Bakar ketika melapah Seni Persembahan dalam *Khazanah Segala Rimbun* mengakui kumpulan puisi penyair yang dilahirkan pada 22 Oktober 1945 itu, melahirkan rasa terujanya.

Menurutnya, jika diperhatikan, banyak puisi dalam kumpulan ini yang boleh diadaptasi ke bentuk seni persembahan khususnya filem dan teater Melayu, selain bait puitis yang ditulis boleh diteaterkan mahupun dilagukan. Puisi “Aku Sudah di Sini” umpamanya begitu

dramatik dan ada unsur melankolik yang begitu berkesan (*Berita Harian*, 26 Januari 2012: 10-11).

Seterusnya, Wan Zulkifli Wan Yaacob (*Utusan Malaysia Online*, 9 Januari 2013), melaporkan bahawa *Khazanah Segala Rimbun* bagaikan susulan antologi Marzuki Ali iaitu *Bungkau Rimba Hujan Tropika* yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2008 yang terarah kepada masalah ekosistem iaitu apabila hutan belantara diancam kerakusan pembangunan dan oportunistik yang mengaut keuntungan dengan jalan mudah. Dalam *Khazanah Segala Rimbun*, turut diselitkan glosari di halaman akhir yang menyenarai nama flora dan fauna lengkap dengan nama saintifiknya dan diharap menjadi rujukan khususnya untuk golongan kanak-kanak dan remaja yang begitu tumpul ilmu alamnya.

Penyataan Masalah

Berdasarkan beberapa tanggapan, kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* dikatakan membawa pemikiran penyairnya yang mendalam mengenai penjagaan flora dan fauna yang semakin pupus dan pengalamannya dengan alam. Bertepatan dengan kenyataan itu, Hassan Ahmad (2004:63) menyatakan bahawa pemikiran Melayu bersifat sintesis dan ‘*holistik*’ iaitu menyeluruh dengan menggunakan data dari pengalaman dan pemerhatian empirikal di sekeliling alam mereka, untuk membentuk pandangan hidup atau falsafah hidup, mencipta makna yang mesejnya atau nilainya dapat kekal sepanjang zaman. Hal ini diakui oleh penulis kumpulan puisi tersebut, Marzuki Ali (2011:xi) bahawa *Khazanah Segala Rimbun* adalah karya tentang alam flora dan fauna di dalam kampus USM dan di persekitaran Pulau Pinang yang mana dilaksanakan untuk memelihara kehijauan alam dengan harapan dapat memberikan kesedaran yang mendalam betapa pentingnya memberikan perlindungan, pemerhatian dan kecintaan oleh seluruh warga kampus dan khalayak kepada alam.

Melalui pendapat yang lain, Rahimah A Hamid (*Berita Harian Online*, 26 Januari 2012), pula menyelongkar isi tersirat di sebalik karya itu menyatakan bahawa puisi “Alam Berkias” dalam *Khazanah Segala Rimbun* yang membincangkan pelbagai bentuk kiasan menarik dalam bait puisi yang dihasilkan. Menurutnya lagi, pembaca bukan saja dibawa meneroka dan menghargai sumbangan flora dan fauna, tetapi

penulis juga bijak menyelitikan kiasan atau gaya bahasa Melayu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat.


Selain itu, berdasarkan ulasan panel penilai HSPM 2010/1011, kumpulan puisi ini yang memuatkan sejumlah 168 buah puisi berkisar sekitar tema alam flora dan fauna yang bertujuan untuk meningkatkan kepekaan, kesedaran dan rasa tanggungjawab bersama, terutama dalam kalangan warga kampus USM, terhadap usaha memelihara, melindungi dan menjaga ekosistem alam semula jadi. Tanggungjawab manusia sebagai makhluk Tuhan yang diberi kelebihan akal di samping memiliki juga naluri kemanusiaan dan nilai keinsanan, bukan saja terbatas kepada kecekapan menggunakan khazanah dan kekayaan alam sebagai sumber penting bagi menjamin kelangsungan tamadun manusia, tetapi amat wajar juga kebijaksanaan untuk menjaga dan memulihara alam itu secara sistematis dan berhemah bagi menjamin kelestarian alam sekitar yang segar dan subur (Ulasan Penilaian Pemenang Kategori Kumpulan Puisi HSPM 2010/1011). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa selain ingin membawa pembaca menyelongkar mengenai alam, penyair *Khazanah Segala Rimbun* mahu menyampaikan mesej dan dakwah agama melalui puisi.

Berdasarkan tanggapan-tanggapan membina yang dibincangkan mengenai kumpulan puisi ini berkemungkinan kerana *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali telah memenangi kategori puisi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HPSM) 2010/2011. Oleh demikian, tidak keterlaluan dikatakan bahawa penulis yang memenangi sesebuah pertandingan, karyanya akan diangkat dan dianggap bermutu. Namun, HSPM pernah terpalit kontroversi apabila mengangkat karya yang dipertikaikan mutunya dan ada juri didakwa mengamalkan dasar 'pilih kasih' (Hafizah Iszahanid, *Berita Harian Online*, 17 Mei 2011).

Justeru itu, pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* bagi mendapatkan jawapan dan menjawab beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah pemikiran dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali?
2. Bagaimana menganalisis pemikiran dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali?

Konsep Pemikiran Marzuki Ali Dalam Khazanah Segala Rimbun



Rajah 1: Kerangka Konsep

Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada pernyataan masalah yang dinyatakan, objektif kajian yang ingin diketengahkan oleh pengkaji adalah:

1. Mengenal pasti pemikiran dalam *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali.
2. Menganalisis pemikiran dalam *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali dari aspek Teori Pengkaedahan Melayu.

Metodologi Kajian

Pengkaji memilih untuk menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang kerana teori ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu melihat pemikiran Marzuki Ali mengenai alam persekitaran di samping dapat mencungkil mesej, pengajaran dan estetika yang akan menilai mutu kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun*. Idea teori yang diperkenalkan oleh Hashim Awang ini bersandarkan kepada kitab *Taj-al-Muluk* (terbitan Muktabah Wamatbaah Wal maari'f, Pulau Pinang). Teori ini dikemukakan atas beberapa sebab iaitu pertama, kerana kekurangan-kekurangan tertentu pada teori-teori kritikan yang diimport dari Barat. Secara umum, kelemahan-kelemahan praktis kritikan berasaskan teori sastera Barat dianggap oleh Hashim Awang sebagai berat sebelah dan kurang sesuai dalam menginterpretasi teks kesusasteraan Melayu yang berteraskan kepada jati diri bangsa Melayu dan Islam. Penelitian teori-teori ini lebih tertumpu kepada aspek-aspek khusus sahaja dan mengabaikan perkara-perkara lain yang jauh lebih penting. Menurut Hashim Awang lagi, hasil kajian dan analisis yang dibuat tidak menyeluruh dan tidak sempurna, abstrak dan statik. Walhal sastera dan karya sastera yang dimodelkan itu amat bersifat dinamik (Hashim Awang, 1997:114).

Melalui tanggapan itu, Hashim mengetengahkan gagasannya yang diberi nama Pengkaedahan Melayu sebagai alternatif kepada pengkaedahan-pengkaedahan Barat. Sebagaimana Muhammad Hj. Salleh, Hashim Awang turut kembali ke dasar masyarakat dengan menyingkap aspek keindahan, kehalusan dan ketinggian daya cipta masyarakat Melayu yang sangat tinggi kekreatifannya dalam menghasilkan sesuatu hasil seni. Dari sudut kebahasaan, Hashim mendapati aspek bahasa yang menjadi nadi komunikatif masyarakat

Melayu sangat tinggi nilai estetika dan kaya dengan pengajaran. Oleh itu, untuk menelaah hasil seni khususnya seni sastera Melayu, maka tidak dapat tidak Pengkaedahan Melayu itu sangat diperlukan. Tujuannya supaya penelitian akan benar-benar menghasilkan analisis yang sangat sesuai dan bertalian dengan pandangan Melayu itu sendiri.

Sebagai landasan kepada analisis ini, Hashim mengenengahkan dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini berkaitan dan berhubungan antara satu dengan lainnya (Hashim Awang, 1997:120). Pengkaedahan Alamiah bererti merujuk secara langsung kepada faktor alam yang menjadi latar kehidupan masyarakat Melayu. Pengkarya Melayu menurut Hashim tidak dapat lari dari alamnya sewaktu berkarya. Faktor alamiah sangat dominan mempengaruhi dan membentuk kerangka pemikiran dan menentu hala tuju matlamat kepengkaryaan. Demikian itu, meneliti teks sastera Melayu secara formalis atau struktural tanpa mengambil kira hubungan pengkarya dengan alamnya adalah mencatitkan serta gagal menemukan khalayak kepada kejatidirian dan keperibadian teks itu setepatnya.

Satu lagi pengkaedahan yang diketengahkan oleh Hashim Awang ialah Pengkaedahan Keagamaan. Hashim melihat agama Islam yang sinonim dengan agama Melayu itu sebagai teras yang turut menunjangi kepengkaryaan. Pengkarya seringkali menghasilkan karya sebagai satu pendekatan dakwah. Dalam kaedah dakwah ini, pengkarya Melayu tidak memisahkan diri dari tanggungjawab dirinya sebagai khalifah Allah S.W.T yang diamanahkan untuk mendaulatkan dan meninggikan syiar dan syariat Islam di muka bumi ini. Al-Quran yang sarat dengan kisah sejarah dan keindahan bahasa menjadi sumber penghasilan karya sastera yang kemudiannya disekalikan dengan kemurnian budaya Melayu bagi mencapai dan memunculkan makna teks yang hakiki.

Pemikiran Marzuki Ali Dalam *Khazanah Segala Rimbun*

Pemikiran memerlukan falsafah agar pemikiran kuat tapaknya, jelas arah tujuannya, dan mempunyai kebijaksanaan. (Hassan Ahmad, 2004:63). Demikian itu, dalam *Khazanah Segala Rimbun*, pemikiran yang disampaikan oleh Marzuki Ali dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu pemikiran tentang alam iaitu keakraban dengan alam,

pengalaman dan pendidikan; dan pemikiran tentang agama iaitu dakwah, alat pendedahan dan estetika.

Pemikiran Tentang Alam

Marzuki Ali aktivis pencinta alam yang prihatin kepada persekitaran turut menjeritkan kepiluan luka mergastua kerana tingkah polah pembangunan yang memberikan ruang yang kian terbatas kepada kehidupan di rimba raya yang kurus serta sungai lautan yang kian tercemar (Ransangsari *Jeritan Satwa Duka*). Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa pemikiran melalui alam Marzuki Ali teretus kerana keakrabannya dengan alam, pengalaman dan pendidikan moral yang diperolehi.

Perkara ini kerana Marzuki Ali adalah di antara segelintir kecil penyair di tanahair yang benar-benar mudah terluka oleh peristiwa menggigit di tanah airnya (A. Samad Said, Ransangsari *Mantera*: 18-19).

i) Keakraban dengan Alam

Marzuki Ali menyatakan pemikirannya melalui keakraban dengan alam apabila beliau menggunakan unsur-unsur alam dalam puisinya yang dijadikan sebagai lambang luahan penulisannya. Pemikiran Marzuki Ali itu bertepatan dengan penakrifan Habibah Alias dan Ramli Mahyudin (1980:86) bahawa pemikiran sebagai satu proses untuk manusia memanipulasikan perkara-perkara di persekitaran. Proses yang terlibat dalam pemikiran ialah proses kognitif. Oleh itu, dalam aspek pemikiran seseorang individu itu akan menggunakan pengamatan untuk melihat perkaitan-perkaitan rangsangan untuk meneruskan tujuannya. Contoh dapat dilihat dalam puisi “Lurah Burung”:

bermadah burung
antara pohon ke pohon
daun-daun melambaikan
angin mengusik resam

...

apa yang kita terima,
begitu bisikan beburung

setelah tamu pada pulang
setelah kalendar waktu berbilang
sekalian hanya punya kata
putih warna
melihat saja pembabatan hutan
sedang kembang-kembang terkalung
semarak di dada
dan kami pun siap
berhijrah entah ke mana!

(2011: 16)

Berdasarkan puisi tersebut, penyair menggunakan unsur-unsur alam sekeliling dalam puisinya seperti ‘burung’, ‘pohon’, ‘daun’ dan ‘angin’. Penggunaan unsur ini menunjukkan bahawa penyair begitu akrab hubungannya dengan alam sekeliling.

Melalui keadaan lahiriah pohon dan segala yang berlaku ke atas pohon yang turut terdapatnya daun merupakan kejadian alam yang mengandungi makna tersirat dalam proses kehidupan yang dilalui manusia. Kata ‘burung’ sering muncul di dalam puisi sebagai penanda kepada kebebasan. Melihat burung yang boleh terbang, manusia menginsafi kekurangan pada diri sendiri (Zurinah Hassan, 2010: 135).

Pemikiran Marzuki Ali melalui keakraban dengan alam ini bertepatan dengan Pendekatan Gunaan yang menggunakan alam sebagai sumber untuk mengungkapkan pemikiran dan kebijaksanaan serta kekreatifan orang Melayu. Dalam pendekatan tersebut, masyarakat Melayu amat akrab hubungannya dengan alam yang merangkumi alam tumbuhan, alam haiwan, dan alam cakerawala yang diungkapkan dan dilahirkan dalam puisi. Karya sastera yang menggunakan unsur alam dalam puisi adalah untuk mengungkap dan merakam segala kejadian dan peristiwa alam (Hashim Awang, 1993: 52-57).

ii) Pengalaman

Marzuki Ali yang melalui pelbagai pengalaman bersama alam di sekelilingnya telah mecoretkan peristiwa tersebut melalui puisi berdasarkan gayanya tersendiri. Pemikiran yang tercipta melalui pengalamannya itu telah dilukiskan melalui imaginasi berdasarkan lambang kepada sesuatu kejadian alam. Melalui pendapat Naapei Mat

(1998:18), pemikiran merupakan tanggapan dan cara menyelesaikan masalah menggunakan daya imajinasi hingga menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Pemikiran yang disalurkan melalui bahasa dapat menginterpretasikan gejala jiwa yang memberontak. Berikut dibincangkan puis-puisi “Rahsia Akar” dan “Akar” yang dijadikan contoh:

merobek liat pasir
memasak diri
begitu bekerja
dalam riak bersama
sedetak seirama
mengampu utuh berdiri
tegap batang sasa
bernama pohon

hanya daun
yang mengerti bakti
tatkala luruh ke bawah,
-engkau adalah kekuatan
segala batin rasa kita.

(2011: 34)

akar-akar ara
menatang tebing
tak gugah roboh
rebah kan punah
di tangan puja
hati berpaling
berubah lain.

(2011: 118)

Penyair memperlihatkan kepada pembaca bahawa pada zahirnya akar adalah kejadian alam atau ciptaan Allah yang mempunyai peranan, fungsi dan kegunaan sebagai menjejapkan pokok kepada bumi, menyedut zat dari tanah untuk menghidup dan menyuburkan pokok, dan akar juga adalah bahagian terawal yang tumbuh dari sebatang pokok.

Dalam puisi, akar yang ‘mengampu utuh berdiri, tegap batang sasa, akar-akar ara, menatang tebing, dan tak gugah roboh’ menyampaikan makna kekuatan yang merangkumi kekuatan peribadi,

kekuatan iman, kekuatan tradisi, atau kekuatan keyakinan. Pohon tidak tumbang kerana akarnya dan manusia tidak bergoyah kerana iman dan keyakinannya.

Akar adalah objek alam yang menjadi lambang yang dapat ditafsir bertepatan dengan apa yang dijelaskan dalam Pendekatan Firasat yang menyatakan bahawa sastera adalah kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya itu hanya dapat dilakukan melalui proses takbir atau tafsiran (Zurinah Hassan, 2010: 82).

Pemikiran Marzuki Ali melalui pengalamannya itu bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Firasat. Menurut Hashim Awang (1993:56), Pendekatan Firasat ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup iaitu pengalaman hidup yang penuh misteri yang dikaitkan dengan mimpi. Pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai takbir iaitu proses menemukan maknanya menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Dalam karya sastera, memiliki sifat-sifat zahir dan batin atau yang diistilahkan sebagai tersurat dan tersirat. Sifat zahir atau yang tersurat menjadi penanda untuk memperoleh yang tersirat iaitu penanda atau alamatnya. Justeru, segala sumber alam yang mendatangkan pengalaman atau ilham kepada manusia dapat ditafsirkan maknanya melalui tanda-tanda atau lambang-lambang.

Selain itu, Ilmu Firasat dalam masyarakat Melayu menggambarkan ketinggian, kehalusan, ketajaman pemikiran dan pengalaman dalam membaca minda dan tingkah laku manusia serta meramalkan sesuatu kejadian berdasarkan tanda atau peristiwa alam sekeliling Jelani Harun (2005:29).

iii) Pendidikan Moral

Melalui pemikiran tentang alam, Marzuki Ali menyelitkan unsur pengajaran dan pendidikan moral kerana unsur-unsur sebegini dapat menghiburkan pembaca selain dapat juga memberikan nasihat dan panduan yang berguna. Pendidikan moral dan pengajaran juga dapat mengatasi sesuatu masalah dalam masyarakat terutamanya dari segi masalah sosial. Bertepatan dengan perkara tersebut, A. Rahim Abdullah (1995:225) menyatakan bahawa pemikiran ialah satu usaha

pengarangnya memikirkan bagaimana mengatasi masalah tertentu yang dihadapi oleh seseorang individu ataupun masyarakat dalam menangani sesuatu masalah.

Dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali, isi pemikirannya merupakan kata-kata nasihat, pengajaran dan pendidikan serta kritikan sosial yang terbentuk daripada pengalaman-pengalaman hidup, pandangan masyarakat atau penyair dan norma-norma yang membentuk sistem dan budaya masyarakat tersebut. Puisi digunakan sebagai alat menyalur pengajaran dan pendidikan di samping mengandungi nilai-nilai estetika. Misalnya seperti puisi “Budi Mendepa” berikut:

budi mendepa
kelopak rasa
jari jemari julai
mengepul angkasa
daun-daun berkibar
dikilas angin deras.

budi menerima
walau tak umpama
resam
tak terkias makna.

budi berpohon
tumbuh penuh rukun
pohon dedalu lain
menumpang kasih
dan bermukim
di dahan.

lama
tertanggungkan
sehingga mati.

(2011: 138)

Berdasarkan puisi, penyair menyatakan akhlak dan kesopanan budaya timur yang penuh dengan adat kesopanan dan halus budi pekertinya. Masyarakat Melayu begitu menghargai dan menjunjung tinggi budi. Mereka menilai segala sesuatu itu berdasarkan pada budi.

Buktinya, kecantikan seseorang bukan dinilai pada paras rupanya tetapi dinilai pada budi bahasanya.

Budi ialah pekerti yang baik atau akhlak terpuji termasuklah tutur kata dan budi bahasa yang baik, keikhlasan, kejujuran, kebenaran, pemurah, belas kasihan, bertimbang rasa, tolong-menolong, berjasa dan berbakti (Zaidi Ismail, 2005: 12-14).

Pemikiran Marzuki Ali tentang alam yang menitikberatkan unsur pengajaran ini bersesuaian dengan Pendekatan Moral yang dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman hidup manusia. Segala pengalaman hidup manusia sama ada yang pahit mahu pun manis, yang positif mahu pun negatif disalurkan dan diungkapkan dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali. Pengalaman-pengalaman hidup manusia dapat disalurkan melalui aspek pengajaran dan pengetahuan yang diaplikasikan bagi membentuk nilai-nilai moral yang baik dan dijadikan cerminan perbandingan atau contoh teladan dan batas sempadan.

Pemikiran Tentang Agama

Pemikiran Marzuki Ali tentang agama dapat dikesan apabila Marzuki Ali menyelitkan unsur-unsur pengajaran dan mesej berguna bertepatan dengan agama Islam. Pemikiran melalui agama Marzuki Ali dapat dibahagikan kepada tiga iaitu dakwah, alat pendedahan dan estetika.

i) Dakwah

Melalui dakwah, Marzuki Ali memperlihatkan pemikiran berdasarkan ketaatan kepada agama Islam yang menjadi pegangan hidupnya. Menurut Rahman Shaari (1988:89), pemikiran melibatkan tahap pencapaian ilmu pengetahuan, pembentukan sikap atas pedoman dan ideologi secara menyeluruh. Puisi yang disampaikan Marzuki Ali dilihat sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang terhadap Allah.

Marzuki Ali juga menyusun perkataan yang indah-indah melalui puisi, dapat mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat-sifat Allah sehingga menimbulkan dan mempertingkatkan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadap-Nya. Puisi “Rezeki” membuktikan:

buah-buah berkapan luruh
terluah dari paruh burung bertaburan jatuh
tergeletek berserakan di muka rumputan
dan sidang segala serangga bumi pun
menikmati juadah pembahagian rezeki
kurniaan Tuhan.

(2011: 19)

Melalui puisi penyair berpegang kepada dasar kepercayaan bahawa manusia tiada berdaya melainkan berserah kepada Allah. Manusia tidak berkuasa untuk mendapatkan segala yang diinginkan seumpama burung dan serangga yang tidak akan dapat 'menikmati juadah pembahagian rezeki, kurniaan Tuhan'. Bertepatan dengan Pendekatan Dakwah, Teori Pengkaedahan Melayu, sajak ini mengingatkan bahawa hanya Allah yang berkuasa dalam memberi rezeki kepada makhluknya dan juga atas segala yang berlaku dalam kehidupan yang fana ini.

Perihal burung yang terbang di angkasa juga mendapat sebutan di dalam kitab suci Al-Quran. Burung adalah objek alam yang perlu diperhatikan dan direnungkan oleh manusia. Manusia perlu mengambil iktibar dari burung yang terbang sebagaimana yang diseru oleh ayat yang bermaksud:

“Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembangkan sayapnya dan mengatupnya. Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Al-Mulk, ayat 19)

ii) Alat Pendedahan

Pemikiran Marzuki Ali tentang agama, mendedahkan kepada masyarakat sebab dan akibat sesuatu perkara sekiranya berlaku kepincangan dan permasalahan dalam kelompok sesuatu masyarakat. Pendedahan ini juga ditunjukkan jika berlaku sebaliknya. Menurut Usman Awang dalam *Sikap dan Pemikiran Usman Awang* selenggara

Dinsman dan Suting Umar (1990:68), penulis adalah seorang pemikir, seorang perenung yang teliti terhadap kehidupan masyarakat dan keadaan sekelilingnya. Penulis juga mesti mengenal masyarakatnya dan untuk itu dia tidak boleh hidup terpisah daripada masyarakat. Selain itu, penulis mempelajari masyarakatnya dan mentafsirkannya. Maka itulah seorang penulis akan melihat itu dari hubungan sebab-musababnya. Melalui *Khazanah Segala Rimbun*, Marzuki Ali mendedahkan masyarakat dengan perkara-perkara yang selaras dengan agama. Puisi “Tetangga” berikut diberikan sebagai contoh:

setiap pagi jemerlang akan menegurku
waktu berpasasan di tangga jalanan,
hari ini kau sihat-sihat saja!
katanya.

...

namun setiap sapaannya sepanjang perjalanan
terasakan betapa akrabnya kita
yang sama-sama berkongsi alam permai ini
betapa tanpa pokok tanpa unggas
tanpa apa-apa
siapa teman siapa bercanda
siapa bertatapan muka!

(2011: 70-71)

Puisi memperlihatkan perpaduan yang terjalin erat antara tetangga. Muslim yang bertimbang rasa dan menyedari serta memahami hukum-hukum agama adalah merupakan manusia yang paling baik hubungannya terhadap jiran-jirannya. Mereka akan sentiasa mencurahkan segala bakti demi kebaikan jiran mereka yang merupakan manusia yang paling mereka kasihi. Namun, dalam kehidupan berjiran tidak semuanya akrab dan sependapat kerana pasti ada yang diibaratkan seperti talam dua muka.

Dalam Islam, banyak mewasiatkan umatnya agar sentiasa menjaga dan memelihara hubungan dengan jiran. Menyedari betapa tingginya kedudukan jiran di dalam Islam dan peranannya dalam kehidupan manusia. Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran. Maksudnya:

“Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun dan berbuat baiklah terhadap kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin yang terdekat dan tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat dan ibnu as-sabil.”
(Surah an-Nisa’: ayat 36)

Tetangga yang dekat dan jauh di dalam ayat di atas dikaitkan dengan tempat, hubungan kekeluargaan dan perbezaan agama antara yang muslim dengan yang bukan muslim.

Rasulullah S.A.W juga sering memperingatkan dalam hadisnya supaya sentiasa menjaga hubungan baik dengan jiran dan sentiasa berbakti serta memuliakan mereka. Antara pesanan baginda ialah:

“Sentiasalah Jibrail berwasiat kepadaku mengenai jiran, sehingga aku menyangka bahawa sesungguhnya dia(jiran) layak untuk diwarisi (mendapatkan harta pusaka).
(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Perkara ini juga bertepatan dengan Pendekatan Kemasyarakatan, Teori Pengkaedahan Melayu. Menurut Hashim Awang (1993: 57), yang mengemukakan Pendekatan Kemasyarakatan, sastera dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepura-puraan dan rasuah iaitu permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan serta mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan iman serta ketakwaan.

iii) Estetika

Marzuki Ali dalam pemikiran agama cuba menyampaikan mesej yang berkesan dalam penulisan puisinya. Selain itu, keindahan yang selari dengan agama ditonjolkan dalam puisi melalui gaya bahasa yang menarik dan menghiburkan pembaca. Hal ini bertepatan dengan pendapat Mana Sikana (1988:37), bahawa pemikiran sebagai gagasan

atau persoalan induk. Pemikiran adalah peristiwa yang tersurat dan tersirat dari peristiwa yang hendak dikemukakan. Dengan demikian, apa-apa yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan pemikiran iaitu proses menyampaikan mesej yang terkandung dalam fikiran penyair atau pengarang.

Bagi melihat mutu dalam *Khazanah Segala Rimbun*, adalah sangat penting untuk melihat pemikiran melalui estetika atau gaya bahasa kumpulan puisi tersebut bagi menjawab persoalan mengenai mutu kemenangan HSKM 2010/2011 kategori kumpulan puisi ini. Justeru, hal ini dapat dilihat melalui Pengkaedahan Melayu melalui sudut Pendekatan Seni yang bertepatan dengan estetika dan gaya bahasa. Pendekatan ini menjadi unsur-unsur keindahan dalam sastera sebagai pokok persoalan. Keindahan di sini merujuk kepada keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam, yang tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam. Keindahan sebegini sifat dan tuntutan menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya seperti bentuk visual, bentuk dalaman, gaya bahasa dan tema serta pemikirannya.

Pendekatan Seni ini adalah bertujuan menemukan komponen gunaan, moral, firasat, dakwah dan kemasyarakatan bagi mengukuhkan asas murni lagi suci iaitu keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah S.W.T.

Nilai seni dan estetika adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan daripada karya-karya sastera khususnya puisi. Puisi merupakan salah satu genre sastera yang kaya dengan nilai-nilai seni dan estetika. Nilai seni dan keindahan dalam puisi Melayu mencakupi keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek mesej dan pemikirannya. Pengkaji membincangkan satu persatu berdasarkan contoh di dalam kumpulan puisi.

Pertama adalah repetisi anafora. Repetisi anafora ialah pengulangan satuan lingual berupa kata atau frasa pertama pada tiap baris atau kalimat berikutnya. Contoh seperti puisi “Kembali” berikut:

kembali pohon menatap hening
kembali jalan menjadi lengang
kembali hujan menyimbah lalu
kembali longkang meresam laju
kembali dingin membungkus rasa
kembali sepi menjalar dalam

(2011: 164)

Terdapat pengulangan sejajar yang dikenali sebagai repetisi anafora iaitu pengulangan kata pada awal ayat. Repetisi anafora perkataan 'kembali' dalam puisi di atas berulang sebanyak enam kali.

Selain itu terdapat juga simile. Simile adalah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu. Contoh seperti puisi "Di Sudut Anjung Seni":

dengan segala kekuatan
dielusny tubuh sepergelangan
bagai ular membetulkan lilitan
menjulur meredah keluar

(2011: 55)

Penggunaan unsur simile iaitu perbandingan antara satu benda dengan benda yang lain dengan menggunakan kata perbandingan iaitu 'bagai' ditemui dalam puisi yang dikaji.

Seterusnya adalah personifikasi. Personifikasi ialah perlambangan sifat-sifat manusia yang diberikan kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak, contohnya emosi, hasrat, perasaan dan pertuturan. Misalnya puisi "Aku Sudah di Sini" berikut:

aku sudah di sini
bersandar di umbi semarak api
menampi daun-daun mempari
seketika matahari berdiri.

(2011: 3)

Personifikasi 'matahari berdiri' pada puisi di atas memberikan sifat manusia iaitu berdiri kepada matahari yang tidak bernyawa atau bukan manusia.

Kemudian, keindahan dalaman merujuk kepada aspek mesej dan pemikiran yang diutarakan bertepatan perbicaraan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Mesej pemikiran yang diutarakan dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* oleh Marzuki Ali adalah mengenai alam yang telah menjadi lambang bagi membawa makna dan peristiwa tertentu yang berlaku dalam kehidupan. Misalnya dalam puisi “Jambu Laut”:

...
 tanpa laut
 tanpa ombak
 tanpa pantai
 angin menukik
 daunan berdesir
 hijau landai
 tak berpantai
 ...

(2011: 177)

Keadaan laut yang masih sama dijadikan perlambangan sebagai keadaan yang teguh dan kekal. Laut yang luas juga menjadi penanda kepada sesuatu yang misteri dan rahsia. Mesej yang ingin disampaikan melalui puisi adalah kejadian alam memberi pengajaran dan iktibar kepada manusia. Misalnya, cabaran dan halangan hidup dalam kehidupan diibaratkan seperti ombak di laut.

Jadual 1: Puisi-Puisi dan Pendekatan yang Dikaji dalam Kumpulan Puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali

BIL.	TAJUK PUISI	MUKA SURAT	ASPEK TEORI PM
1	Lurah Burung	16	Pendekatan Gunaan
2	Rahsia Akar	34	Pendekatan Firasat
3	Akar	118	Pendekatan Firasat
4	Budi Mendepa	138	Pendekatan Moral
5	Rezeki	19	Pendekatan Dakwah
6	Tetangga	70-71	Pendekatan Masyarakat
7	Kembali	164	Pendekatan Seni
8	Di Sudut Anjung	55	Pendekatan Seni

	Seni		
9	Aku Sudah Di Sini	3	Pendekatan Seni
10	Jambu Laut	177	Pendekatan Seni

Kesimpulan

Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa Marzuki Ali merupakan seorang penyair yang tekun memerhatikan tingkah alam dan mempelajari perlakuan alam untuk melahirkannya di dalam metafora bagi menyampaikan maksud puisi. Selain alam, pemikiran di dalam puisinya turut dibentuk oleh agama Islam. Dua faktor ini, iaitu alam dan agama Islam, mencorakkan kreativitinya. Mesej-mesej yang baik dan positif adalah menepati ciri-ciri yang digariskan oleh Teori Pengkaedahan Melayu yang mengikut Hashim Awang sejak zaman berzaman adalah sastera yang membawa mesej ke arah kebajikan.

Melalui pendekatan-pendekatan yang dikaji menerusi kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun*, terdapat peristiwa dan isu yang tersurat dan tersirat dalam setiap puisi-puisi yang dihasilkan. Hal ini dapat memberi manfaat yang lebih jauh dan besar daripada fungsinya sebagai suatu alat, iaitu manfaat yang berkaitan dengan kebatinan dan keperibadian manusia. Puisi-puisi Marzuki Ali menyingkap dan menyatakan pengalaman yang boleh diambil bentuk-bentuk peristiwa yang dilalui oleh manusia melalui suasana persekitaran alam sekeliling. Semua puisi yang dihasilkan dapat ditinjau sebagai satu lambang pengibaratan atau pengiktibaran kepada pembaca dan pengguna sastera dan juga sebagai sumber maklumat dan ilmu pengetahuan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa puisi-puisi dalam kumpulan puisi *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali mempunyai pemikiran penyairnya yang tersendiri dan juga mempunyai mutu estetika yang tinggi. Selain itu, kumpulan puisi ini sesuai menggunakan penerapan Teori Pengkaedahan Melayu yang dekat dengan alam. Dalam konteks ini, penelitian dilakukan daripada aspek Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga iaitu Pendekatan Gunaan(Fungsional), Pendekatan Firasat dan Pendekatan Moral. Pengkaedahan Keagamaan pula terbahagi kepada tiga iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni.

Bibliografi

- Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2006. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. 1993. "Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air". *Dewan Sastera* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari: 52-57
- Hashim Awang. 1993. "Meneliti Hidayah dengan Pendekatan Dakwah". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, November: 73-78.
- Hashim Awang. 1994. "Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari: 12.
- Hassan Ahmad. 2004. *Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2005. "Ilmu Firasat Melayu". *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jun: 29.
- Kamarul Arifin Idris. 2009. "Puisi-puisi Nawawee Mohammad daripada Sudut Teori Pengkaedahan Melayu". *Tesis Sarjana*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mana Sikana. 2006. *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Karya.
- Marzuki Ali. 2011. *Khazanah Segala Rimbun*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Shohib (peny). 2007. *Al-Quran Terjemah Tajwid*. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema.
- Zaidi Ismail. 2005. "Indah Budi kerana Bahasa". *Pelita Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jun: 12-14.
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laman web:

- Berita Harian Online*. 2012. Khazanah Segala Rimbun. 26 Januari 2102. [http://www.usm.my/images/stories/26 Januari 2012 Khazanah B.Harian.jpg](http://www.usm.my/images/stories/26_Januari_2012_Khazanah_B.Harian.jpg). Dilayari pada 1 April 2013 pukul 10.21 am.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2011. Khazanah Segala Rimbun. *Dewan Sastera*. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=simile>. Dilayari pada 2 April 2013 pukul 10.39 am.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011(Genre Puisi). *Dewan Sastera*. <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1502>, Dilayari pada 10 April 2013 pukul 11.10 pm.
- Hafizah Iszahanid. 2011. Tiada Lagi Kontroversi. *Berita Harian Online*, 17 Mei 2011. <http://w1.bharian.com.my/bharian/articles/Tiadalagikontroversi/Article>. Dilayari pada 10 April 2013 pukul 10.15 pm.
- Tengku Fauziah Tengku Ngah. 2010. Bermalam Sakan di Laman Ambo. *Utusan Malaysia Online*, 3 Februari 2010. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0204&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_01.htm. Dilayari pada 6 April 2013 pukul 11.44 am.
- Universiti Sains Malaysia. 2011. Potongan Akhbar Khazanah Segala Rimbun. <http://www.usm.my/index.php/en/papercutting/9435-khazanah-segala-rimbun.html>. Dilayari pada 1 April 2013 pukul 10.20 am.
- Wan Zulkifli Wan Ayob. 2013. Khazanah Segala Rimbun. *Utusan Malaysia Online*, 9 Januari 2013. http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130110/wt_01/Khazanah-Segala-Rimbun. Dilayari pada 12 April 2013 pukul 10.25 pm.